

Deklarasi Mengekalkan Sekolah yang Selamat

Impak konflik bersenjata ke atas pendidikan mencetuskan cabaran kemanusiaan, pembangunan dan kemasyarakatan yang perlu diatasi segera. Di seluruh dunia, sekolah dan universiti dibom, ditembak dan dibakar, malah, kanak-kanak, pelajar, guru dan ahli akademik dibunuh, dicatkan, diculik, dilarikan atau ditahan sesuka hati. Fasilitas pendidikan digunakan oleh pihak berlawanan dalam konflik bersenjata, antara lain, sebagai pangkalan atau berek ketenteraan, atau pusat tahanan. Tindakan seperti ini bukan sahaja mendedahkan pelajar dan penjawat pendidikan kepada bahaya, bahkan turut menafikan hak kanak-kanak dan pelajar kepada pendidikan, sekali gus merampas harapan masyarakat untuk membina asas masa depan mereka. Di banyak negara yang terbabit, konflik bersenjata bukan setakat membinasakan infrastruktur sekolah, malah turut menghancurkan harapan dan matlamat sesebuah generasi kanak-kanak.

Penyerangan ke atas pendidikan termasuk perbuatan ganas terhadap fasilitas pendidikan, pelajar dan penjawat pendidikan. Tindakan menyerang dan ugutan menyerang boleh mengakibatkan mudarat serta kesan buruk yang berpanjangan kepada individu dan masyarakat, menggugat akses pendidikan; menyekat kelangsungan institusi pendidikan, dan menyebabkan pentadbir pendidikan dan pelajar menjauhkan diri untuk melindungi diri mereka. Serangan ke atas sekolah dan universiti turut dijadikan alat untuk memecah-belahkan dan menghakis amalan toleransi – mengekalkan diskriminasi gender menerusi sekatan ke atas pendidikan murid-murid perempuan, menyebabkan konflik sesama komuniti tertentu terus berpanjangan, menghalang kepelbagaian budaya, dan menafikan kebebasan akademik dan hak pergaulan. Apabila sesebuah fasilitas pendidikan digunakan untuk motif ketenteraan, risiko rekrutmen serta penindasan kanak-kanak oleh pihak bersenjata meningkat secara mendadak, termasuklah risiko kanak-kanak dan remaja ini terhadap keganasan seksual dan eksploitasi. Bahkan, kemungkinan yang lebih besar ialah mendedahkan institusi pendidikan berkenaan kepada risiko serangan.

Sebaliknya, peluang pendidikan mampu melindungi kanak-kanak dan remaja daripada kematian, kecederaan dan eksploitasi; pendidikan berupaya mengurangkan kesan psikologi akibat konflik bersenjata melalui rutin dan kestabilan, termasuklah membuka laluan kepada perkhidmatan penting yang lain. Sementara itu, pendidikan yang 'sensitif konflik' mampu mengelakkan tercetusnya konflik dan meningkatkan pencapaian keamanan. Pendidikan juga merupakan asas kepada pembangunan serta hak asasi dan kebebasan sepenuhnya. Oleh itu, kita harus melakukan apa sahaja yang perlu bagi memastikan tapak dan bangunan pendidikan kekal selamat.

Kami mengalu-alukan sebarang inisiatif daripada negara-negara dunia bagi mempromosi dan melindungi hak pendidikan dan memudahkan kelangsungan pendidikan walaupun dalam keadaan konflik bersenjata. Pendidikan yang tidak terganggu mampu menyalurkan maklumat penting yang menyelamatkan nyawa serta menyediakan khidmat nasihat tentang risiko tertentu yang menimpa sesebuah masyarakat yang terheret dalam konflik bersenjata.

Kami menyambut baik usaha Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani isu kanak-kanak ketika konflik bersenjata, dan kami memperakui betapa pentingnya mekanisme bagi memantau dan melaporkan keganasan dahsyat dan melampau ke atas kanak-kanak dalam situasi konflik bersenjata. Kami turut menekankan resolusi penting yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan iaitu resolusi 1998 (2011), dan 2143 (2014) yang, antara lain, menggesa semua pihak terbabit dalam konflik bersenjata agar tidak melakukan sebarang perbuatan yang melanggar hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan. Kami juga mengalu-alukan Negara-Negara Anggota untuk

mempertimbangkan tindakan tegas bagi mengelakkan penggunaan sekolah dan universiti oleh pihak tentera dan bersenjata serta Negara Bukan Anggota yang bersenjata daripada melanggar dan mencabul undang-undang antarabangsa.

Kami turut mengalu-alukan pelaksanaan *Garis Panduan Perlindungan Sekolah dan Universiti daripada Tujuan Ketenteraan sewaktu Konflik Bersenjata*. *Garis Panduan* ini walau bagaimanapun, tidak mempunyai bidang kuasa undang-undang dan merupakan garis panduan yang tidak menyentuh hukum antarabangsa yang sedia ada. *Garis Panduan* ini dirangka berdasarkan amalan berhemah dan terbaik, dan berperanan sebagai sandaran panduan bagi meringankan impak konflik bersenjata terhadap pendidikan. Justeru, kami amat mengalu-alukan sebarang usaha untuk menyebarkan *Garis Panduan* ini dan menghebahkan pelaksanaannya dalam kalangan pihak bersenjata, kumpulan bersenjata dan pihak lain yang turut terbabit.

Maka dengan itu, berlatarkan hak pendidikan dan peranan pendidikan dalam menyokong kefahaman, toleransi dan persahabatan sesama semua negara; pelaksanaan secara progresif bagi memperkukuhkan perlindungan orang awam ketika tercetus konflik bersenjata, bagi perlindungan kanak-kanak dan remaja khususnya; komitmen untuk sama-sama berganding bahu ke arah mengekalkan sekolah yang selamat untuk semua, kami menyokong pelaksanaan *Garis Panduan Perlindungan Sekolah dan Universiti daripada Tujuan Ketenteraan sewaktu Konflik Bersenjata*, dan akan:

- Sedapat mungkin, menggunakan *Garis Panduan* ini dan menerapkannya dalam dasar domestik dan rangka kerja operasi yang bersesuaian;
- Berusaha sedaya-upaya untuk mengumpulkan data yang boleh diyakini serta relevan di peringkat negara membabitkan serangan ke atas fasiliti pendidikan, ke atas mangsa serangan dan melibatkan penggunaan sekolah dan universiti oleh pihak tentera ketika konflik bersenjata, termasuklah pengumpulan data menerusi mekanisme pemantauan dan pelaporan yang sedia ada; memudahkan pengumpulan data dan menawarkan bantuan kepada mangsa tanpa sebarang diskriminasi;
- Menyiasat dakwaan tentang pencabulan undang-undang negara dan undang-undang antarabangsa yang sedia ada, dan jika perlu, mengemukakan dakwaan terhadap pelaku pencabulan terbabit;
- Membangunkan, menerima pakai dan mempromosi pendekatan 'sensitif konflik' dalam pendidikan yang melibatkan program-program kemanusiaan dan pembangunan antarabangsa serta di peringkat kebangsaan;
- Berusaha memastikan penerusan pendidikan ketika tercetusnya konflik bersenjata, menyokong pembinaan semula fasiliti pendidikan dan apabila perlu, menyediakan dan memudahkan kerjasama serta bantuan antarabangsa bagi pelaksanaan program-program bertujuan untuk menghindari atau memberikan respons terhadap serangan yang menyasarkan pendidikan. Sokongan juga akan turut diberikan bagi pelaksanaan Deklarasi ini;
- Menyokong usaha Majlis Keselamatan PBB terhadap kanak-kanak dalam konflik bersenjata, dan menyokong usaha Wakil Khas Setiausaha Agung PBB bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dan menyokong semua sayap, entiti dan agensi PBB yang berkaitan; dan
- Melakukan perjumpaan secara berkala, menjemput kehadiran organisasi antarabangsa dan wakil masyarakat sivil yang berkaitan, dengan tujuan mengkaji dan menyemak pelaksanaan Deklarasi ini serta pelaksanaan *Garis Panduan*.